PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 14,17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK

Telefon Am : 082 - 441957
Kawat : FINANCIALKUCHING
Teleks : STAFIN MA70023
Faks : 082- 442355/449948

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(13)
Tarikh : 18.2.2020

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.1/2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/Datu/Tuan/Puan

PENAMBAHBAIKAN SISTEM SISTEM MAKLUMAT PENDAFTARAN KONTRAKTOR (CoRIS) KEPADA SISTEM MAKLUMAT PENDAFTARAN DAN PENARAFAN KONTRAKTOR/KONSULTAN (CoRRIS)

(CONTRACTORS/CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING SYSTEM - CoRRIS)

---

1. OBJEKTIF

1.1 Objektif Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan mengenai penambahbaikan Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS) sedia ada kepada sistem yang lebih komprehensif iaitu **Sistem Maklumat Pendaftaran dan Penarafan Kontraktor/Konsultan (CoRRIS)** serta penerangan mengenai peraturan dan syarat-syarat penggunaan sistem ini.

2. LATARBELAKANG

2.1 Sejak tahun 2010, sistem ini dikenali sebagai Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor (CoRIS). Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian/Jabatan/ Agensi yang melaksanakan projek, sistem CoRIS sedia ada perlu penambahbaikan.

2.2 Oleh yang demikian, untuk memantapkan lagi sistem maklumat pendaftaran kontraktor dan konsultan Kerajaan Negeri, pihak Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri telah menambahbaik sistem ini agar dapat memberi maklumat yang lebih komprehensif dan membantu dalam proses/aktiviti perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

3. PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DAN AKAN DILAKSANAKAN DALAM SISTEM MAKLUMAT PENDAFTARAN DAN PENARAFAN KONTRAKTOR/KONSULTAN (CoRRIS)

3.1 Penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam Sistem CoRRIS adalah seperti berikut :-

(a) Melalui sistem CoRRIS, Kementerian/Jabatan/Agensi dapat mengemaskini maklumat mengenai butir-butir projek merangkumi bidang Kerja, Bekalan atau Perkhidmatan yang sedang dan/atau dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan.

(b) Kementerian/Jabatan/Agensi juga dapat membuat penilaian prestasi kontraktor yang melaksanakan sesebuah projek secara *on-line* bagi memudahkan Kementerian/Jabatan dan agensi berkongsi maklumat dan mengakses maklumat mengenai prestasi kontraktor berkenaan.

(c) Sistem ini membantu Kementerian/Jabatan/Agensi memberikan maklumat mengenai kontraktor yang mempunyai **salahlaku (*adverse report*)** seperti prestasi buruk, projek sakit, penamatan kontrak dan seumpamanya, maklumat ini akan menjadi input dan rujukan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi lain dalam membuat aktiviti perolehan seperti penilaian tender/ sebutharga.

3.2 Pejabat ini juga sedang membuat penambahbaikan yang akan dilaksanakan dalam Sistem CoRRIS adalah seperti berikut :-

(a) Sistem ini juga akan membantu agensi menyediakan maklumat mengenai **penarafan prestasi kontraktor** yang melaksanakan sesebuah projek Kerajaan dan maklumat mengenai prestasi kontraktor ini akan dikongsikan oleh semua agensi Kerajaan.

(b) Sistem CoRRIS ini akan menjadi rujukan utama dalam proses perolehan Kerajaan Negeri, apabila Pejabat ini hanya akan mengeluarkan **Sijil Pendaftaran UPKJ secara maya (*Virtual Certificate*)** melalui initiatif tandatangan digital yang akan dilaksanakan kelak di mana Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ tidak akan dikeluarkan secara fizikal.

4. FUNGSI DAN PERANAN SISTEM CoRRIS

4.1 Pelaksanaan sistem CoRRIS akan membolehkan Kementerian/Jabatan/Agensi mendapat maklumat terkini mengenai kontraktor/pembekal/konsultan bagi tujuan berikut ;

(a) Menyemak mengenai bidang, kelas/kategori, kepala/subkepala, sahlaku tempoh pendaftaran, status Bumiputera, rekod kerja, prestasi kerja dan sebagainya.

(b) Mengenai pasti kontraktor/pembekal yang layak untuk dipelawa menyertai sebutharga/tender

(c) Mengenalpasti dan menyemak rekod konsultan bagi tujuan permohonan perlantikan konsultan.

(d) Membantu agensi agar pengeluaran dokumen pembelian terus/sebutharga/tender dibuat hanya kepada kontraktor/pembekal yang layak dan tiada laporan salahlaku dalam pelaksanaan projek.

(e) Mempercepat dan melicinkan proses penilaian untuk membuat keputusan ke atas proses perolehan dengan adanya maklumat yang terkini seperti yang dinyatakan di atas.

(f) Membuat penilaian prestasi terhadap kontraktor/pembekal/konsultan yang melaksanakan projek dan perkhidmatan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri.

5. PELANTIKAN PENGGUNA

5.1 Ketua Jabatan/Agensi hendaklah melantik tiga (3) kategori pegawai untuk menjalankan tugas-tugas berikut :

(a) **Pemasuk Data (Data Entry)**

Pegawai ini berperanan untuk mengakses maklumat pendaftaran kontraktor serta mengemaskini maklumat projek yang telah disiapkan oleh kontraktor atau terdapat rekod yang tidak baik (adverse report) seperti penamatan kontrak, projek sakit dan sebagainya. Pegawai yang dilantik hendaklah dari kalangan Pegawai Gred 19 ke atas.

(b) **Penyemak Data (Data Checker)**

Pegawai ini bertanggungjawab untuk mengemaskini dan mengesah data dan maklumat yang dimasukkan oleh pemasuk data ke dalam sistem CoRRIS. Data checker akan menerima notifikasi email untuk mengambil tindakan selanjutnya. Pegawai yang dilantik hendaklah dari kalangan Pegawai Gred 27 ke atas.

(c) **Pembaca Data (Data Viewer)**

Pegawai ini merupakan Ketua Jabatan atau pegawai kanan yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk mengakses dan membaca setiap maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem CoRRIS bagi agensi mereka sendiri.

6. TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

6.1 Ketua Jabatan/Agensi juga hendaklah melantik seorang **pegawai utama** (*focal person*) untuk mengurus dan mentadbir penggunaan sistem CoRRIS di kementerian/jabatan/agensi masing-masing. Sila kemukakan **Borang SKN/CoRRIS/Focal/2020** ke Pejabat ini dan mereka akan diberikan akses ke sistem CoRRIS sebagai *Data Viewer*.

6.2 Ketua Jabatan/Agensi hendaklah memastikan setiap projek dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi masing-masing dikemaskini ke dalam sistem CoRRIS dan sekiranya terdapat projek yang bermasalah disebabkan oleh kontraktor, maklumat berkenaan hendaklah juga dilaporkan dalam sistem CoRRIS.

6.3 **Semua maklumat mengenai kontraktor/pembekal/konsultan yang diakses adalah SULIT dan DIHADKAN bagi tujuan aktiviti perolehan Kementerian/Jabatan/Agensi dan tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972. Pengguna yang menyalahgunakan maklumat boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peraturan sedia ada.**

6.4 Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengemaskini maklumat projek yang sedang dan/atau dilaksanakan oleh kontraktor/pembekal/konsultan dan penilaian prestasi kontraktor hendaklah memastikan maklumat tersebut telah disemak dan disahkan betul oleh pegawai yang berkenaan sebelum dimuatnaik ke sistem CoRRIS.

6.5 Pegawai yang telah diberi akses adalah dipertanggungjawabkan untuk menjaga kata laluan masing-masing serta maklumat yang diakses dan mereka tidak boleh memanjangkannya/berkongsi hak akses dengan pegawai lain.

7. CAPAIAN DAN PELAKSANAAN

7.1 CoRRIS boleh dicapai melalui gerbang EG application dalam SarawakNet atau melalui alamat http://corris.sarawak.gov.my kerana sistem ini adalah *web-based.*

8. BORANG KEBENARAN AKSES

8.1 Pengguna yang telah mempunyai akses ke sistem CoRIS terdahulu masih terus dapat menggunakan akses melalui kata nama dan kata laluan sedia ada.

8.2 Bagi permohonan pengguna yang **baru**, Kementerian/Jabatan/Agensi hendakah mengemukakan **Borang SKN/CoRRIS/2/2020-Baru** untuk pelantikan pegawai yang diberi akses ke UPKJ, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.

8.3 Bagi penggantian pegawai yang telah **berpindah** tempat bertugas atau **bersara**, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memakluman kepada pihak UPKJ dengan segera dan penggantian pegawai untuk diberikan akses kepada sistem CoRRIS hendaklah menggunakan **Borang SKN/ CoRRIS/3/2020-Pindah/Bersara**.

8.4 Semua borang ini boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan borang yang telah dilengkapkan dikemukakan kepada pihak UPKJ melalui email kepada En. Azraine B. Sulaihi (*azraine@sarawak.gov.my*) atau Puan. Izzaidah Safariena Bt. Leddy (*izzaidsl@sarawak.gov.my*). Borang permohonan juga boleh dikemukakan melalui faks ke UPKJ melalui faks no. 082-251593.

9. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.05/2010 mengenai Sistem Maklumat Pendaftaran Kontraktor bertarikh 18 November 2010 adalah dibatalkan.

10. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai CoRRIS hendaklah merujuk kepada pegawai-pegawai berikut ;

Bil.	Nama Pegawai	Email
1.	Encik Azraini B. Sulaili	(azraine@sarawak.gov.my)
2.	Puan Suzan Engok Tumba	(suzan@sarawak.gov.my)
3.	Puan Minawara Bt. Ismail	(minawari@sarawak.gov.my)
4.	Puan Izzaidah Safariena Bt. Leddy	(izzaidsl@sarawak.gov.my)

No. Telefon : 082-235710 / 235810 / 235910
No. Faks : 082-251593

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

[DATUK AMAR HAJI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN]
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

s.k : YB Setiausaha Kerajaan, Sarawak
Pengarah Audit, Unit Audit Dalam

Borang SKN/CoRRIS /Focal/2020

KEMENTERIAN/JABATAN:_____

CONTRACTORS /CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING INFORMATION SYSTEM (CORRIS)

Borang Permohonan Lantikan Sebagai *Focal Person* Dan Pertukaran *Focal Person*

Kepada: Setiausaha Kewangan Negeri

1. *Focal Person* Yang Dilantik

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.					

2. *Focal Person* Yang Akan Bertukar (Jika Berkenaan)

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.					

Kebenaran Pegawai Pengawal			
Dengan ini saya membenarkan penama-penama tersebut di atas untuk mengakses dan menjalankan tugas-tugas sebagai *Focal Person* bagi Sistem *CoRRIS.*			
Nama Pegawai Pengawal	Tandatangan	Tarikh	Cop Kementerian / Jabatan

NOTA:

1. *Sila pastikan Cop Jabatan diturunkan ke atas nama terakhir pegawai yang dilantik bagi mengelak sebarang tambahan nama pegawai yang tidak diperakui oleh Pegawai Pengawal.*
2. *Borang ini boleh juga dimuat turun (download) di sistem CoRRIS atau melalui pautan laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.*

SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA:

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
(BAHAGIAN PEROLEHAN)
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING
TINGKAT 7, WISMA SATOK, JALAN SATOK
93400 KUCHING

(U.P. / EN. AZRAINE BIN SULAILI / PN. IZZAIDAH SAFARIENA)

TEL: 082-235810 / 235710 / 235910 FAKS : 082-251593

Borang SKN/CORRIS /2/2020-Baru

KEMENTERIAN/JABATAN:_____

CONTRACTORS /CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING INFORMATION SYSTEM (CORRIS)

Borang Permohonan Lantikan Dan Akses Baru Sebagai Pemasuk Data *(Data Entry)*, Penyemak Data *(Data Checker)* Dan Pembaca Data *(Data Viewer)*

Kepada: Setiausaha Kewangan Negeri

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peranan *(Data Entry / Data Checker/ Data Viewer)*	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						

Kebenaran Pegawai Pengawai

Dengan ini saya membenarkan penama-penama tersebut di atas untuk mengakses dan menjalankan tugas-tugas sebagai Penyemak Data *(Data Checker)*, Pemasuk Data *(Data Entry)* dan Pembaca Data *(Data Viewer)* bagi Sistem *CORRIS.*

Nama Pegawai Pengawai	Tandatangan	Tarikh	Cop Kementerian / Jabatan

NOTA:

1. *Sila pastikan Cop Jabatan diturunkan ke atas nama terakhir pegawai yang dilantik bagi mengelak sebarang tambahan nama pegawai yang tidak diperakui oleh Pegawai Pengawai.*
2. *Borang ini boleh juga dimuat turun (download) di sistem CORRIS atau melalui pautan laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.*

SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA:

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
(BAHAGIAN PEROLEHAN)
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING
TINGKAT 7, WISMA SATOK, JALAN SATOK
93400 KUCHING

(U.P. / EN. AZRAINE BIN SULAILI / PN. IZZAIDAH SAFARIENA)

TEL: 082-235810 / 235710 / 235910 FAKS : 082-251593

Borang SKN/CoRRIS/3/2020-Pindah/Bersara

KEMENTERIAN/JABATAN: _____

CONTRACTORS/CONSULTANTS REGISTRATION AND RATING INFORMATION SYSTEM (CoRRIS)

Borang Permohonan Lantikan Dan Akses Gantian

Pemasuk Data *(Data Entry)*, Penyemak Data *(Data Checker)* Dan Pembaca Data *(Data Viewer)*

Kepada: Setiausaha Kewangan Negeri

1. Pegawai Dilantik Yang Akan Bertukar

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peranan *(Data Entry / Data Checker/ Data Viewer)*	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.						
2.						

2. Pegawai Pengganti

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan / Gred	ID e-mel SarawakNet	Tel./Fax No.	Peranan *(Data Entry / Data Checker/ Data Viewer)*	Peringkat (Ibupejabat /Bahagian /Daerah)
1.						
2.						

Kebenaran Pegawai Pengawal

Dengan ini saya membenarkan penama-penama tersebut di atas untuk mengakses dan menjalankan tugas-tugas sebagai Penyemak Data *(Data Checker),* Pemasuk Data *(Data Entry)* dan Pembaca Data *(Data Viewer)* bagi Sistem *CoRRIS*.

.....	_____	_____	_____
Nama Pegawai Pengawal	**Tandatangan**	**Tarikh**	**Cop Kementerian / Jabatan**

NOTA:

1. ***Sila pastikan Cop Jabatan diturunkan ke atas nama terakhir pegawai yang dilantik bagi mengelak sebarang tambahan nama pegawai yang tidak diperakui oleh Pegawai Pengawal.***
2. ***Borang ini boleh juga dimuat turun (download) di sistem CoRRIS atau melalui pautan laman web Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri.***

SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADA:

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
(BAHAGIAN PEROLEHAN)
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR & JURUPERUNDING
TINGKAT 7, WISMA SATOK, JALAN SATOK
93400 KUCHING

(U.P. / EN. AZRAINE BIN SULAILI / PN. IZZAIDAH SAFARIENA)

TEL: 082-235810 / 235710 / 235910 FAKS: 082-251593